

**SUKATAN PELAJARAN
TAMAN ASUHAN
KANAK-KANAK ISLAM SELANGOR
(TAKIS)**

**Bahagian Pendidikan
Jabatan Agama Islam Selangor
2001**

1 Pertama 2001
an Agama Islam Selangor 2001

a Terpelihara Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, kandungan buku ini dalam apa uga bentuk dengan cara apa jua sama ada secara ik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada ah Jabatan Agama Islam Selangor. Perundingan tertakluk kepada perkiaraan royalti norarium.

akaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ran Oleh:

BAGIAN PENDIDIKAN

Agama Islam Selangor
2, Podium Utara,
an sultan Abdul Aziz Shah
Shah Alam, Selangor.
5447000 Fax:(03) 5591143

uf dan Rekabentuk Oleh:

CE CREATIVE SYSTEM
Jalan Wangsa Setia 4,
Melawati,
Kuala Lumpur.
(03) 40456239

Oleh

ILMU ENTERPRISE
Jalan Wangsa Setia 4,
Melawati,
Kuala Lumpur.
4142 0791 Fax:(03) 4142 0796

Kata Pengantar

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur ke Hadrat Allah SWT kerana dengan Inayahnya, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan telah berjaya dalam usahanya menyemak dan menyusun semula Sukatan Pelajaran Pra Sekolah Kanak-kanak Islam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Sukatan Pelajaran Pra Sekolah ini mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor. Penyusunan Sukatan Pelajaran Pra Sekolah ini bertujuan untuk menyesuaikan perkembangan semasa dan melahirkan murid yang berperibadi mulia, seimbang dari segi rohani dan jasmani.

Bagi mencapai hasrat dan tujuan ini, bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor telah menyediakan Sukatan Pelajaran Pra Sekolah sebagai bahan asas yang mengandungi objektif bagi setiap matapelajaran untuk membantu guru-guru merancang pengajaran dan pembelajaran.

Kepada semua pihak yang terlibat terutama Jawatankuasa kurikulum, Pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Selangor, Nazir-nazir Pelajaran Agama dan guru-guru yang telah memberi sumbangan sehingga sukatan ini dihasilkan, Jabatan Agama Islam Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Adalah dengan ini diakui dan disahkan bahawa Sukatan Pelajaran Pra Sekolah Kanak-kanak Islam yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor boleh dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Taman-taman Asuhan Kanak-kanak Islam Selangor (TAKIS).


17 OGOS 2001
18 JAMADILAWAL 1422

**BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
DARUL EHSAN**

SUKATAN PELAJARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

1. LATAR BELAKANG

Mewujudkan suasana pendidikan Islam Pra Sekolah ke arah pengembangan dan pembentukan potensi kanak-kanak berteraskan Al-quran dan Al-Sunnah melalui persekitaran kondusif selaras dengan aspek-aspek berikut:



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan

lan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."



Falsafah Pendidikan, JAIS

Satu usaha yang berterusan bagi menjamin dan memantapkan ilmu ALLAH dan Sunnah Rasulullah berkembang di sepanjang zaman untuk di amalkan dalam kehidupan seharian bagi melahirkan Muslim sejati yang mampu menegakkan syariat ALLAH di muka bumi ini"



Matlamat Pendidikan Pra Sekolah

Menyuburkan potensi murid dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Menghasilkan persepaduan serentak perkembangan sosial, emosi, rohani, jasmani dan intelek menerusi interaksi pembelajaran supaya mereka menjadi individu yang baik dan berakhlak mulia serta berguna kepada diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara."

MATLAMAT

Menyuburkan potensi murid dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan sosial, emosi, rohani, jasmani dan intelek menerusi interaksi pembelajaran supaya mereka menjadi individu yang baik dan berakhlak mulia serta berguna kepada diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

3.

OBJEKTIF AM

Objektif membolehkan murid:

1. Menyemai pendidikan yang berasaskan nilai-nilai keislaman bagi melahirkan generasi yang bertakwa.
2. Mempunyai semangat sayangkan negara.
3. Mengamalkan nilai murni berasaskan ajaran Islam.
4. Menghormati dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik sebagai bahasa kebangsaan dan memperkembangkan kemahiran menggunakan bahasa untuk berkomunikasi.
5. Memperkembangkan konsep sendiri ke arah pembentukan peribadi dan perwatakan yang positif.
6. Memperkembangkan perasaan ingin tahu melalui pelbagai deria ke arah pembentukan kognitif, penaklukan dan penyelesaian masalah semasa, meneroka ilmu pengetahuan.
7. Memperkembangkan keupayaan fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang betul.
8. Menggunakan Bahasa Inggeris dalam berinteraksi seharian selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua.
9. Memupuk minat dan bakat dalam perkembangan daya cipta serta bersikap ingin tahu.

4.

BIDANG PENGALAMAN

Pendidikan pra sekolah mempunyai tujuh objektif am. Untuk mencapai objektif am tersebut, sembilan bidang pengalaman yang merupakan isi kandungan program prasekolah perlu disepadukan supaya pengalaman pembelajaran lebih bermakna.

OBJEKTIF AM**BIDANG PENGALAMAN**

Menyemaiakan pendidikan yang erasaskan nilai-nilai keislaman agi melahirkan generasi yang ertakwa.

☛ 1. Pendidikan Islam

Mempunyai semangat sayangkan egara.

☛ 2. Pendidikan Ketatanegaraan

Menghormati dan menggunakan ahasa Melayu dengan baik ebagai bahasa kebangsaan dan emperkembangkan kemahiran enggunakan bahasa untuk erkomunikasi.

☛ 3. Bahasa Melayu

Memperkembangkan perasaan ingin tahu melalui pelbagai deria ke rah pembentukan kognitif, enaakulan dan penyelesaian asalah semasa, meneroka ilmu engetahuan dan emperkembangkan daya kreatif an estetika.

☛ 4. Perkembangan Kognitif

Menggunakan Bahasa Inggeris alam berinteraksi seharian elaras dengan kedudukannya ebagai bahasa kedua.

☛ 5. Bahasa Inggeris

Memperkembangkan daya kreatif an estetika.

☛ 6. Perkembangan Daya Kreatif dan Estetika.

5.**KURIKULUM**

Kurikulum Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TAKIS) ini adalah dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. Pendidikan TAKIS mementingkan aspek-aspek pembelajaran kepada kanak-kanak ke arah penyediaan konsep asas pendidikan formal. Kurikulum ini merangkumi bidang-bidang seperti interaksi, komunikasi serta minat dan bakat. Perkara ini disampaikan kepada kanak-kanak melalui pelbagai aktiviti. Kandungan kurikulum ini pula memberikan penekanan beberapa aspek pengalaman afektif, psikomotor dan kognitif.

Objektif

Program-program pendidikan pra sekolah ini mestilah berkemampuan bagi membolehkan kanak-kanak:-

1. Mengamalkan nilai-nilai keislaman/keagamaan dan moral dalam kehidupan sehariannya.
2. Mempunyai peribadi dan perwatakan yang sempurna untuk menjadi ahli keluarga, warganegara yang baik dan berguna.
3. Membentuk keyakinan diri mengikut keupayaan fizikalnya dan mempraktikkan amalan-amalan kesihatan dan keselamatan yang positif.
4. Membentuk konsep sendiri yang positif, bergaul dan menghargai hak dan kebolehan orang lain.
5. Mengembangkan perasaan ingin tahu.
6. Mengembangkan kemahuan menggunakan bahasa.
7. Mengembangkan potensi dan daya kreatif.

PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam menekankan pembentukan insan yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan berketrampilan ke arah memakmurkan alam dan Tuhan. Kurikulum Pendidikan Islam di Pra sekolah hendaklah memberi pendedahan dan kebiasaan yang membawa kepada pembentukan cara hidup Islam. Kanak-kanak di Pra sekolah perlu didedahkan kepada persekitaran yang boleh memberi pengalaman-pengalaman luas mengenai alam sekitar supaya memberi kesedaran kepada adanya penciptaan sunnatullah.

tif

Asas Ulum Syari'ah

Aqidah

Aspek aqidah membolehkan murid:

- Mengetahui Rukun Iman
- Menyedari dan mengetahui serta memahami adanya suruhan dan tegahan Allah S.W.T.
- Mengetahui bahawa alam ini mempunyai Penciptanya iaitu Allah S.W.T.
- Menanamkan kepercayaan kepada Allah S.W.T. sebagai Pencipta
- Kasih kepada Allah S.W.T. dan Rasul s.a.w.

i. Ibadat

Aspek Ibadat membolehkan murid:

- Mengetahui Rukun Islam
- Mengamalkan kebersihan diri, pakaian dan tempat
- Mengetahui asas-asas ibadat khusus seperti wuduk, solat

iii. Sirah Rasulullah s.a.w.

Aspek Sirah Rasulullah s.a.w. membolehkan murid:

- Mengetahui sirah Rasulullah s.a.w.
- Mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w.
- Mengetahui pengajaran Sirah Rasulullah s.a.w.

iv. Asas Akhlak Islamiah

Aspek Akhlak Islamiah membolehkan murid:

- Membaca basmalah setiap hendak melakukan amalan yang baik.
- Mengucap hamdalah selepas selesai membuat sesuatu perkara yang baik.
- Memberikan dan menjawab salam.
- Bertimbang rasa, hormat-menghormati dan kasih sayang terhadap ahli keluarga dan rakan.
- Memupuk semangat berjimat cermat.
- Bercakap benar, amanah dan ikhlas dalam perlakuan.
- Menghormati hak sendiri dan orang lain.
- Menyayangi harta sendiri dan menghargai harta orang lain.
- Menjaga dan menyayangi alam sekitar.

b. Asas Tilawah Al-Quran

i. Tilawah al-Quran

Aspek tilawah al-Quran membolehkan murid:

- Membunyikan huruf al-Quran tunggal berbaris di atas, di bawah dan dihadapan.
- Menghafaz surah-surah pendek seperti:
 - Surah al-Fatihah

- Surah al-Falaq
 - Surah an-Nas
- c. Mengetahui, melafaz dan menghafaz, doa pendek daripada al-Quran dan hadith serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian, seperti:
- Doa Penerang Hati
 - Doa minta selamat dunia dan akhirat
 - Doa untuk ibu bapa dan kaum muslimin
 - Doa memulakan perjalanan
 - Doa sebelum dan sesudah makan
 - Doa sebelum dan selepas tidur
 - Doa masuk dan keluar tandas

Asas Jawi dan Bahasa Arab

Asas Jawi

Aspek asas jawi membolehkan murid:

- a. Mengecam dan membunyi huruf jawi.
- b. Mengkoordinasikan pergerakan mata dan tangan mengikut bentuk huruf.
- c. Membentuk huruf jawi.
- d. Membaca suku kata dan perkataan mudah.

Bahasa Arab

Aspek Bahasa Arab membolehkan murid:

- a. Menyebut perkataan mudah
 - anggota badan
 - nombor (1-10)
- b. ucap selamat

2. PENDIDIKAN KETATANEGARAAN

Pendidikan Ketatanegaraan memberi asas pembentukan peribadi dan perwatakan yang baik supaya murid menjadi warganegara yang berguna kepada bangsa dan negara.

Objektif

Objektif Pendidikan Ketatanegaraan membolehkan murid:

- a. Mengetahui peraturan-peraturan dan cara belajar di TAKIS.
- b. Mengenal dan menghormati pemimpin.
- c. Mengamalkan semangat bermasyarakat.
- d. Menjaga kebersihan diri dan TAKIS.
- e. Mengenal dan menghargai institusi dan kemudahan awam.
- f. Mengenal dan memupuk semangat mencintai tanah air.
- g. Mengamal semangat perpaduan.
- h. Mengetahui prinsip Rukun Negara.

BAHASA MELAYU

pengalaman Bahasa Melayu menekankan kemahiran menggunakan bahasa untuk berkomunikasi bagi tadika yang bahasa pengantarnya bukan Bahasa Melayu, penekanan adalah penggunaan lisan dalam interaksi.

san

urid boleh:

Memberi ucapan selamat, berterima kasih, memohon sesuatu dan bermaaf-maafan.

Mengenal perkataan mudah.

Menyanyi lagu pendek dan mudah.

Bercerita menggunakan gambar daripada pelbagai media.

Memahami dan mengikuti arahan mudah.

Mendengar dan memberi gerak balas yang sesuai terhadap sesuatu.

Berbual dengan menggunakan bahasa yang mudah.

Melafaz puisi mudah.

mbaca

abacaan

urid boleh:

Mendengar dengan penuh perhatian.

Mengecam dan membezakan bunyi dalam sesuatu persekitaran.

Mengecam bunyi dan menunjukkan arah datang bunyi tersebut.

c. Awal Bacaan

Murid boleh:

- Mengecam persamaan dan perbezaan bentuk huruf.
- Membunyikan huruf vokal dan konsonan.
- Mengecam dan mengajuk persamaan dan perbezaan bunyi huruf.
- Mencangumkan bunyi dua atau lebih huruf.
- Membina dan membaca suku kata dan kosa kata.
- Membaca rangkai kata dan ayat mudah.

d. Pemupukan minat membaca

Murid boleh:

- Membaca buku yang digemari.
- Menceritakan semula bahan yang dibaca.
- Memilih buku yang digemari.

e. Penulisan

Murid boleh:

- Melakukan pergerakan tangan dan jari.
- Melakukan pergerakan mata.
- Melakukan koordinasi mata dan tangan.

f. Awal Tulisan

Murid boleh:

- Mengenal bentuk huruf tunggal.
- Mengenal bentuk huruf dalam suku kata dan perkataan.
- Membentuk huruf tunggal.
- Menulis suku kata dan perkataan.

PERKEMBANGAN KOGNITIF

Perkembangan kognitif memberi penekanan tentang proses pembentukan konsep, penemuan dan penyelesaian masalah, semasa meneroka ilmu pengetahuan dengan menggunakan pelbagai rangsangan dan deria.

Pemerhatian

Murid boleh:

Menjelajah persekitaran dengan menggunakan deria dan melaporkan apa yang dilihat melalui pelbagai cara.

Membuat percubaan mudah yang berkaitan dengan kehidupan seharian seperti pembakaran lilin, pelarutan gula dalam air dan membuat doh.

Menyedari bahawa alatan tertentu seperti kanta pembesar, teropong dan alat timbang sukat perlu digunakan untuk mendapatkan maklumat persekitaran dengan jelas.

Membina sikap positif ke arah menggunakan peralatan dengan betul dan selamat.

Penyelidikan

Murid boleh:

Mengumpul objek berdasarkan ciri seperti bentuk, saiz, warna dan kuantiti.

Meneroka dengan menggunakan pelbagai cara untuk melihat perbezaan antara satu objek dengan objek yang lain.

Menyusun objek mengikut urutan dengan menggunakan pelbagai media.

c. *Pranombor*

Murid boleh:

- Meneroka konsep banyak dan sedikit.
- Meneroka pelbagai cara bagi menentukan konsep sama banyak dan tidak sama banyak.
- Meneroka pelbagai cara bagi menentukan konsep lebih daripada dan kurang daripada.
- Meneroka konsep ukuran, masa dan ruang.
- Menggunakan simbol dalam aktiviti seharian.
- Meneroka konsep mata wang.

d. *Asas Nombor*

Murid boleh:

- Menyusun himpunan objek dalam pelbagai bentuk.
- Mengetahui bilangan objek tidak berubah walaupun susunannya berubah.
- Menyatakan nilai nombor dengan betul dalam pelbagai situasi seperti berkedai.
- Menunjukkan dan menyatakan bilangan objek apabila simbol nombor berkenaan ditunjukkan.
- Membuat dan membentuk simbol nombor.
- Menyatakan kedudukan objek dalam sesuatu siri yang disusun.
- Membilang dalam kumpulan satu-satu dan dua-dua.
- Menambahkan dan mengurangkan objek dalam kumpulan objek yang diberi.

mbuat Inferes

Membuat kesimpulan awal untuk menerangkan peristiwa atau objek berasaskan pemerhatian situasi dan cerita.

malan

Membuat perbandingan di antara semalam, hari ini dan hari esok.

Membuat perancangan dengan lebih berkesan daripada apa yang didapati sekarang.

Menyedari bahawa ramalan yang dibuat boleh berubah mengikut keadaan.

munikasi

Menyatakan idea tentang sesuatu objek atau fenomena melalui pelbagai cara.

Menyampai dan mengikut arahan.

5. BAHASA INGGERIS

Pengajaran Bahasa Inggeris adalah bagi memahirkan dan membolehkan kanak-kanak bertutur perkataan-perkataan atau ayat-ayat mudah dalam interaksi hariannya.

Objektif

1. Mengenal perkataan-perkataan mudah.
2. Memahami dan mengikut arahan yang mudah.
3. Bercerita dengan menggunakan gambar.
4. Berbual dengan menggunakan bahasa baku.
5. Melafaz puisi kanak-kanak.
6. Mendengar dan memberi gerak balas yang sesuai terhadap sesuatu pengalaman harian, cerita dan perbualan.
7. Menyanyi lagu yang pendek dan mudah.
8. Menggunakan bahasa untuk memberi ucap selamat, berterima kasih.

KEMBANGAN DAYA KREATIF DAN ESTETIKA

ngan Daya Kreatif dan Estitika memberi pengalaman kepada nikmati dan menghargai keindahan alam, keseniaan dan ai warisan budaya bangsa.

n Sekitar

d boleh:

Menikmati keindahan alam sekitar melalui rangsangan sentuhan, penglihatan dan pendengaran.

Mensyukuri nikmat (faedah) yang diperolehi dari alam sekitar dan menjaga alam sekitar.

nyian dan Gerakan

d boleh:

Menyanyi lagu dan mengikut rangsangan.

Membeza, meniru dan mengajuk bunyi serta menikmati lagu.

Memberi gerak balas pada irama melalui gerakan.

Menggunakan simbol bunyi untuk menggambarkan sesuatu cerita.

Melahirkan perasaan melalui aktiviti nyanyian dan gerakan.

a Kreatif

id boleh:

Menunjukkan daya kreatif melalui lukisan, catan, kraf tangan, lakonan dan pergerakan.

Membentuk pelbagai pergerakan kreatif dengan tubuh badan.

Menghasilkan sesuatu ciptaan melalui berbagai media.

d. Rekaan

Murid boleh:

- a. Mengumpul, memilih dan menyusun bahan yang berlainan bentuk, warna dan tekstur.
- b. Mengenal dan menggunakan bahan yang pelbagai media dan melahirkan perasaan melalui aktiviti seni yang menggunakan bahan dan pelbagai warna, bentuk dan tekstur.
- c. Menghasilkan sesuatu ciptaan melalui berbagai media.

e. Warisan Budaya

Murid boleh:

- a. Mengenal pakaian rakan sebaya dan pelbagai kaum.
- b. Mengenal alat tradisional yang mudah seperti alat bunyi-bunyian, alat permainan, masakan dan peralatan rumah.

PANDUAN AGIHAN MASA

1. Bahasa Melayu	2 x 30 minit	=	60 minit
2. Bahasa Inggeris	2 x 30 minit	=	60 minit
3. Bahasa Arab	2 x 30 minit	=	60 minit
4. Matematik	2 x 30 minit	=	60 minit
5. Tilawah al-QuAran	3 x 30 minit	=	90 minit
6. Taufiq	1 x 30 minit	=	30 minit
7. Ibadah	1 x 30 minit	=	30 minit
8. Akhlak	1 x 30 minit	=	30 minit
9. Sirah	1 x 30 minit	=	30 minit
10. Kreatif	4 x 30 minit	=	120 minit
11. Riadah	2 x 30 minit	=	60 minit
12. Asas Jawi	1 x 30 minit	=	30 minit
13. Aktiviti kelas	1 x 30 minit	=	30 minit
14. Aktiviti Guru	1 x 30 minit	=	30 minit
15. Perhimpunan diri	5 x 30 minit	=	150 minit
16. Ucapan salam, doa, Asma'ul husna, Perbuatan harian dan surah Hafalan	5 x 30 minit	=	150 minit
17. Ketatanegaraan	2 x 30 minit	=	60 minit

JUMLAH

1070 minit

JADUAL WAKTU TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK ISLAM (TAKIS)

Masa	8.00	8.30	8.30	9.00	9.30	9.30	10.00	10.00	10.30	10.30	10.30	11.00	11.00
Isnin	Perhimpunan	Tilawah al-Quran	Pend. Islam (Akidah)	R	Bahasa Inggeris	Kreatif							
Selasa	1. Ucapan Salam	Riadah	Bahasa Melayu	E	Matematik	Assas Jawi	Kreatif						
Rabu	2. Doa Asma'ul Husna	Tilawah al-Quran	Pend. Islam (Ibadah)	H	Bahasa Inggeris	Kreatif							
Khamis	3. Perbuatan Harian	Riadah	Bahasa Melayu	A	Matematik	Bahasa Arab	Pend. Islam (Sirat Rasulillah)						
Jumaat	4. Surah Hafalan	Tilawah al-Quran	Pend. Islam (Akhlak Islamiyah)	T	Bahasa Arab	Ketatanegaraan	Aktiviti Guru						

1. Masa bagi setiap mata pelajaran : 30 minit
2. Waktu belajar bermula pada 8.00 pagi
3. Waktu tamat belajar pada 11.30 pagi
4. Waktu rehat : 30 minit (9.30 pagi hingga 10.00 pagi)